

Kosmo
28/11/2016
MIS-17

KKLW letak syarat minimum pengajar tabika Kemas menjelang tahun 2020

Guru berkelulusan diploma



Oleh IKHWAN IDERIS

KUANTAN – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menasarkn semua tenaga pengajar di Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma menjelang tahun 2020.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ketika ini, kira-kira 65 peratus atau lebih 11,000 tenaga pengajar tabika Kemas memiliki kelulusan diploma atau lebih tinggi manakala selebihnya memiliki Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

“Kita mensyaratkan supaya mereka yang memohon untuk menjadi tenaga pengajar memiliki sekurang-kurangnya diploma dan bagi mereka yang



ISMAIL SABRI (belakang, empat dari kanan) bergambar dengan kumpulan Warisan Budaya dari Johor yang muncul juara acara Kompang Berformasi pada majlis penutup dan penyampaian hadiah Hari Potensi Tabika Kemas di Kolej Matrikulasi Pahang, Kuantan semalam.

mengambil jurusan bukan latarbelakangkan pendidikan awal, kita akan menghantar mereka berkursus selama enam bulan bagi memperoleh Sijil

Pendidikan Awal di Institut Latihan Kemas.

“Tenaga pengajar di Tabika Kemas sedia ada yang memiliki kelulusan lebih rendah pula akan

dihantar melanjutkan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Institut Pendidikan Guru dan Kolej Ketengah, Terengganu untuk mendapatkan

diploma,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis penutup dan penyampaian hadiah Hari Potensi Tabika Kemas di Kolej Matrikulasi Pahang di Gambang di sini malam kelmarin.

Seramai 720 murid tabika Kemas dari seluruh negara menyertai program selama tiga hari itu melibatkan acara boneka tangan, bercerita, reka cipta, pidato dan nasyid selain penyampaian Anugerah Kanak-Kanak Cemerlang serta Anugerah Pemaju Masyarakat Inovatif.

Ismail berkata, kualiti pengajaran dan pembelajaran di Tabika Kemas adalah setanding dengan tadika swasta dan kerajaan telah memperuntukkan RM605 juta setahun melibatkan perbelanjaan sebanyak RM250 sebulan untuk seorang murid.